

Pengenalan kepada Keluaran Khas

Introduction to the Special Issue

ABDUL SAMAD HADI, SHAHARUDIN IDRUS & ABDUL HADI HARMAN SHAH
EDITOR JEMPUTAN

Pada 18 Mei 2010, genaplah ulang tahun ke-40 penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Syabas diucapkan kepada Universiti kerana sehingga kini telah memberi pelbagai jenis sumbangan kepada negara khususnya dalam memperkasakan pembangunan ilmiah dan mempertingkatkan jumlah sumber manusia yang berilmu pengetahuan. Sepanjang dekad kewujudannya Universiti Kebangsaan Malaysia telah memperluaskan jaringan sempadan akademik bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat anatarabangsa.

Jurnal *Akademika* edisi khas ini bertujuan untuk memperingati ulang tahun kelahiran UKM ke-40 tahun. Keluaran ini mengenengahkan Kertas Ucapan oleh Profesor Emeritus T.G. McGee dari University of British Columbia yang dibentangkan di Persidangan Sains Sosial Malaysia ke-7, 2010 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, sebagai artikel khas. Prof. Emeritus McGee sememangnya dikenali di peringkat global di dalam bidang perbandaran komperatif, dan sumbangannya kepada rakyat Malaysia. Beliau adalah sumber rujukan para pelajar dalam bidang perbandaran di negara kita.

Koleksi kertas dalam *Jurnal Akademika* Edisi Khas ini memberikan satu platform bagi membincangkan perbandaran sebagai satu proses yang mengandungi peralihan-peralihan kritikal yang menyumbang kepada satu fenomena pembangunan besar di mana perbandaran itu sendiri telah menjadi satu fenomena di seluruh dunia. Banyak hujah yang menyatakan bahawa kemajuan pembangunan merupakan satu proses semula jadi sesuatu tempat di mana kawasan luar bandar berubah menjadi sebuah bandar. Namun, tidak dapat dinafikan ianya mungkin juga satu fenomena yang dapat memberi pengajaran kepada kita berhubung dengan sejarah masa lampau tentang apa yang baik atau buruk tentang pembangunan itu sendiri. Bagaimanapun, fenomena perbandaran di Malaysia tidak banyak memperlihatkan penggantian bandar terhadap kawasan luar bandar kerana kebanyakan kawasan luar bandar masih terpelihara, malah lebih kukuh daripada sebelum ini. Hubungan-hubungan ini lebih sekadar lampiran nostalgik bagi masa lampau. Fenomena ini dikaitkan dengan sebab penghijrahan yang berubah-ubah dan dengan perancangan pembangunan yang menyusul.

Proses perbandaran di Malaysia telah berubah daripada fasa awal penghijrahan desa ke bandar kepada fasa penempatan dengan menjadikan bandar sebagai


penempatan utama. Fasa awal (nascent) proses urbanisasi ini telah diambil alih oleh suatu tempoh perbandaran pseudo (McGee 1971) – berusaha untuk maju – dan berakhir dengan satu fasa pertumbuhan wilayah bandar mega yang diperluas hasil proses dalam mana kawasan-kawasan bandar yang tersedia ada, yang diasaskan semasa zaman pentadbiran Kolonial British, telah mengembang dan meluas menjadi satu gugusan bandar yang besar. Kebimbangan yang timbul berhubung dengan hal ini ialah bagaimana menjadikan sesebuah bandar itu tempat tinggal yang lestari dan mempunyai dayahuni yang baik. Ini tidak bermakna fasa pertama telah berhenti; Malaysia masih mengalami senario penghijrahan desa - bandar, namun pilihan dan destinasiya lebih banyak dan berbeza-beza daripada sebelum ini.

Di sini, sentiasa terdapat timbal balas di antara pengalaman-pengalaman luar bandar dan bandar. Timbal balas ini mendefinisikan semula kedua-dua kawasan luar bandar dan kawasan bandar di Malaysia. Individu luar bandar sentiasa dipengaruhi oleh pelbagai jenis pengalaman bandar yang telah mengubah kawasan yang didiaminya dan yang mempengaruhi aspirasi masa depannya. Pengalaman individu sentiasa digambarkan di dalam satu persekitaran khusus di mana ianya dipengaruhi oleh kehendak atau tuntutan budaya dan kaum yang tersendiri. Jangkaan para individu disesuaikan dengan keupayaan segera dan hambatan-hambatan budaya mereka. Proses-proses yang membentuk pengalaman perbandaran bukan hanya dilihat dari segi tindak laku, tetapi juga dari segi simbolik. Manakala fungsi tingkah laku seringkali bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah, fungsi simbolik mempunyai matlamat terhadap cara sesuatu masalah itu diselesaikan. Dalam kes perbandaran, isunya bukan sekadar 'menjadi' bandar tetapi cara bagaimana 'menjadi' bandar itu dicapai. Yang paling menarik untuk rakyat Malaysia ialah memahami dinamika situasi bandar dan desa yang terdapat dalam negara. Sementara proses tersebut mengambil masa berabad-abad lamanya untuk menjadi satu landskap bandar yang maju sebagaimana terdapat pada hari ini, tetapi di Malaysia proses ini telah dimampatkan ke dalam kira-kira satu abad bermula daripada pengasasan pusat bandar moden kepada menjadi wilayah bandar mega diperluas.

Isu dalam edisi khas ini mempunyai satu julat ruang-masa yang luas. Dari pembinaan kerangka-kerangka baru berasaskan kompleksiti (complexity) dan percambahan

sisi kepada kajian kes di peringkat kawasan tempatan serta kewilayahan malahan juga di peringkat antarabangsa. Edisi ini turut cuba meliputi pelbagai subtema yang merangkumi hujah laluan kebergantungan berhubung dengan urbanisasi; kerangka ekologi untuk pengurusan sisa pepejal; corak penggunaan tanah, termasuk dinamika perumahan; merungkai teori-teori berhubung dengan ketidakpastian respons pihak tempatan dan; pertimbangan-pertimbangan perundangan antarabangsa. Dengan kata lain, edisi ini menyediakan satu pendekatan kritis kepada peralihan bandar, dan satu triangulasi idea-idea mengenai sifat perubahan pembangunan fizikal dan perubahan sosial. Manakala isu yang lebih kritikal berhubung dengan perbandaran Malaysia ialah fokus perbincangan panel di Persidangan Sains Sosial Malaysia tersebut, iaitu mengenai perkembangan di wilayah Bernam-Linggi diberi tumpuan khusus memandangkan kawasan ini semakin menjadi satu kawasan penting wilayah perbandaran mega di Malaysia – merangkumi kawasan seluas kira-kira dua ratus kilometer darab tujuh puluh kilometer memanjang ke arah utara ke selatan dari sebuah bandar universiti di sempadan negeri-negeri Perak dan Selangor dalam lembangan Sungai Bernam hingga ke lembangan Sungai Linggi di sempadan Negeri Sembilan dan Melaka.

Semua isu berkaitan yang telah dikenal pasti di atas bagaimanapun boleh juga digambarkan melalui perubahan hubungan-hubungan kerajaan, pasaran dan masyarakat di Malaysia. Rajah 1 menyediakan satu artikulasi mudah tiga dimensi tersebut. Sebuah negara demokratik yang melaksanakan dasar pembangunan pro-pasaran, dengan pasaran, kewangan dan liberalisasi tenaga kerja yang berpatutan, boleh menarik perniagaan daripada luar negara bagi memulakan pengeluaran barangan. Hasilnya, masyarakat tempatan akan memperolehi faedah sedikit sebanyak seperti para pelabur. Seharusnya terdapat faedah keseluruhan yang dapat memanfaatkan semua



RAJAH 1. Hubung kait antara Kerajaan, Pasaran dan Masyarakat

orang. Perubahan di dalam salah satu tiga dimensi itu akan mempengaruhi elemen-elemen lain di dalamnya, lalu menghasilkan corak-corak baru hubungan antara tiga dimensi itu.

Sejak mencapai kemerdekaan Malaysia telah melonggarkan dasar-dasarnya untuk menarik pelabur asing untuk melabur secara langsung di Malaysia demi mencapai status negara maju menjelang 2020. Sepanjang beberapa dekad, kerajaan telah mengurangkan peranan utamanya dalam membawa pembangunan sosioekonomi kepada negara, melalui perubahan dasar negara kepada perkongsian dengan sektor swasta melalui pengenalan dasar penswastan Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 1983 oleh Perdana Menteri yang keempat Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad. Dasar Ekonomi Baru bagi tempoh 1970-1990 telah memulakan peralihan bagi penyertaan yang lebih ketara di kalangan sektor swasta dalam pembangunan. Panggilan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta secara lebih aktif telah ditekankan dalam Model Ekonomi Baru kerajaan (Malaysia 2009) dan diperkatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (Malaysia 2010). Maka, perhubungan antara keadaan dan pasaran telah menjadi lebih terbuka, sekaligus membawa kepada penyertaan pasaran yang lebih liberal.

Satu perubahan dalam dasar pembangunan yang dianggap menarik kepada pasaran, misalnya, akan menarik minat pelabur-pelabur untuk memasukinya. Negara dan masyarakat akan mendapat manfaat daripada hasil perindustrian dan perkembangan perniagaan. Hal ini jauh berbeza jika kerajaan yang memegang dan menguasai seluruh pasaran tanpa melibatkan pelabur asing. Selama bertahun-tahun lamanya sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan Malaysia telah menerajui pembangunan negara; melaksanakan polisi-polisi dengan pakej-pakej rangsangan yang menarik untuk membawa masuk pelaburan asing. Semasa era Dasar Ekonomi Baru dengan serampang dua matanya membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat Malaysia yang telah terbentuk hasil pentadbiran penjajah British, kerajaan Malaysia telah menerajui pembangunan negara. Dengan mengambil inisiatif sedemikian, perluasan ekonomi dapat dikekalkan dan hasilnya dapat dibahagikan semula secara sama rata di kalangan semua kumpulan etnik. Kesan pengagihan semula secara sedemikian dari usaha pembangunan dapat dilihat dari segi kemajuan kualiti hidup rakyat Malaysia. Fahaman pelbagai budaya dari sudut pelbagai etnik nampaknya berkesan kerana dapat menjamin kestabilan sekaligus dapat menjamin keamanan dan kemajuan negara. Beberapa penulis menggambarkan inisiatif pembangunan ekonomi bersama hasil sosial yang dinyatakan di atas sebagai 'faham pembangunan' (satu contoh, Francis Loh Kok Wah 2009: 31). Ketika kemelesetan ekonomi dunia pasaran telah diajak untuk menerajui usaha menangani kelembapan yang bakal berlaku sebagaimana yang berlaku semasa kemelesetan pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga (1980-1985) dan awal Rancangan Malaysia Keempat (1986-1990),

dan sekali lagi semasa pergolakan ekonomi akibat krisis kewangan Asia atau kesan kewangan yang mempengaruhi seluruh dunia akibat masalah kewangan yang berlaku di Amerika Syarikat disebabkan kerugian Lehmann Brothers.

Satu hasil fahaman pembangunan yang dialami telah diterapkan dalam landskap bandar negara. Kecenderungan yang berlanjutan ke arah 'bandar' dalam tempoh fahaman pembangunan telah menyebabkan bertambahnya pertumbuhan bandar sekaligus mempengaruhi pembangunan bandar. Pada satu penghujung ialah konurbasi yang semakin meluas, dengan ada di antaranya yang berubah secara perlahan tetapi konsisten, menjadi wilayah bandar mega diperluas. Salah satu wilayah perbandaran mega diperluas yang utama ialah kawasan perbandaran yang menganjur dari Lembangan Bernam ke Lembangan Linggi yang kami labelkan sebagai Wilayah Perbandaran Mega Diperluas.

Semua makalah di dalam edisi ini berhubung kait dengan *7th International Malaysian Studies Conference (MSC7)* yang diadakan di USM di Pulau Pinang, pada bulan Mac 2010. Terdapat enam makalah yang telah dibentangkan dalam persidangan tersebut. Komen-komen berguna dari para peserta telah diterap semasa penulis menyemak dan menambahbaik makalah masing-masing. Walaupun begitu, kesemua makalah ini telah melalui proses penilaian yang lazim untuk jurnal.

Makalah yang lain adalah berdasarkan pengalaman pengembangan pesat perbandaran Malaysia, pengalaman perbandaran yang menarik dan unik yang berkembang dalam ruang-masa yang dimampatkan, satu cerminan imej bandar global yang berkembang dalam satu tempoh masa yang lebih singkat berbanding pengalaman perbandaran di negara maju.

Kertas yang telah dibentangkan oleh Abdul Samad Hadi et al. di Persidangan Sains Sosial di Pulau Pinang merupakan makalah pengenalan kepada keluaran khas ini. Di dalamnya tiga fasa telah dicadangkan berhubung dengan perkembangan perbandaran Malaysia bagi menggambarkan peralihan transaksi perbandaran berdasarkan pengalaman Malaysia. Peralihan perbandaran bermula dengan empayar Melaka di Semenanjung Malaysia. Ketika itu tidak banyak boleh dikatakan tentang hierarki pusat bandar dan fungsi-fungsi bandar selain sebagai entreport pertukaran barang perdagangan (suatu tempoh fasa yang menarik mengenainya), yang dikaitkan dengan penjajahan British di negara itu. Dalam fasa yang sebegini tidak matang, perbincangan makalah ini lebih berfokuskan kepada penubuhan pusat bandar sebagai kawasan komersil dan pentadbiran oleh pihak British. Meminjam konsep dari penulisan terdahulu Profesor Terry McGee mengenai proses perbandaran di Asia Tenggara, kami menggunakan istilah perbandaran pseudo untuk menggambarkan kegagalan struktur ekonomi bandar menampung gelombang penghijrahan desa-bandar yang mempunyai tingkat pendidikan yang rendah selain tidak memiliki kemahiran yang sesuai untuk bandar. Akibatnya, antara lain kelihatan terdapat kadar kemiskinan yang berleluasa dan pertumbuhan

tempat perlindungan sementara di bandar-bandar. Fasa ketiga merekodkan pertumbuhan pekan dan bandar sebagai pusat-pusat industri pembuatan untuk tujuan pengeksporan, bertepatan dengan fahaman tempoh pembangunan Negara. Pemacu-pemacu yang bertindih mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan pusat-pusat bandar yang seterusnya membentuk konurbasi bandar; dan kemudian kepada pembentukan kawasan bandar yang diperluas. Kesemuanya merupakan ruang hasil tempoh peralihan tersebut.

Abdul Rahman Embong dalam artikelnya pula menghujah bahawa proses perbandaran masih berterusan di Malaysia. Kehidupan bandar dan perbandaran telah menjadi salah satu cara hidup kini. Namun, bagi orang Melayu dan Bumiputera lain kehidupan bandar masih agak baru berbanding dengan kumpulan etnik utama yang lain di negara itu. Beliau menegaskan bahawa sungguhpun perdebatan Louis Worth mengenai budaya bandar berkaitan merebaknya sikap individualisme dan pentingnya kawalan formal itu penting, namun peranan agensi manusia juga sama penting. Usaha-usaha dilakukan untuk membina sesebuah komuniti dan kelestarian komuniti adalah dalam proses pembentukan. Artikel ini menunjukkan juga satu penemuan penting berhubung orang bandar yang hidup di bandar raya besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang menganggap bahawa bandar tersebut sebagai tempat tinggal kekal mereka manakala golongan yang duduk di bandar-bandar kecil akan berpindah ke bandar besar untuk tujuan mencari pekerjaan atau untuk tujuan persaraan kelak.

Artikel oleh Abdul Hadi dan rakan penyelidik yang lain menyatakan bahawa perancangan untuk kelestarian dalam sesetengah penempatan besar tidak menentu kerana masih di dalam tempoh percubaan jangka pendek yang berbeza selaras dengan perubahan masa untuk merancangnya menjadi suatu rancangan yang komprehensif. Pengalaman perbandaran Lembangan Bernam ke Lembangan Linggi merupakan contoh yang sesuai tentangnya. Kawasan bandar berkembang pesat semasa keadaan melambung dan seterusnya bergabung menjadi suatu bandar yang besar. Artikel ini menunjukkan bagaimana perubahan bandar memberi impak kepada infrastruktur dan komuniti yang mendiaminya. Untuk merancang wilayah bandar yang sebegitu besar memerlukan lebih daripada hanya satu pendekatan linear untuk meneliti kekompleksan supaya dapat merungkai proses pertumbuhan wilayah bandar yang rumit.

Shaharudin et al. pula menyiasat tentang perluasan kawasan perumahan di peringkat kejiranan dan menyatakan bahawa perkembangan kawasan perumahan di peringkat pertengahan perbandaran setempat yang diasaskan oleh pentadbir British pada suatu ketika dahulu menunjukkan suatu gambaran mengenai laluan kebergantungan pengembangan perumahan dan perkembangan tersebut tidak bersifat linear. Menjejak kembali perkembangan perumahan di Daerah Seremban seawal tahun 1881, artikel ini menunjukkan pengembangan ruang dan

corak-corak spatial sehingga 2010, yang menunjukkan perubahan sebagai tindak balas kepada perubahan pentadbiran. Penulis turut berhujah bahawa perancangan yang efektif untuk memenuhi keperluan pengembangan bandar perlu dilihat dari peringkat tempatan. Senario peringkat tempatan kemudiannya digabung menjadi suatu penerangan yang lebih luas mengenai perbandaran.

Seterusnya Adnan A. Hezri menulis mengenai cabaran-cabaran keinstitutionan untuk persekitaran di negara apabila Malaysia mula beralih ke arah pembangunan lestari setelah sekian lama mengalami pertumbuhan pembangunan. Beliau mengingatkan para pembaca bahawa konsep institusi adalah lebih luas, bertahan dan berterusan berbanding dengan 'organisasi'. Beliau turut membuat penilaian sepintas lalu berhubung dengan pencapaian dasar kelestarian negara. Dalam bahagian terakhir penulisan beliau, Adnan A. Hezri meneliti cabaran-cabaran yang perlu dihadapi berhubung dengan anjakan mampan untuk pengumpulan penyelesaian bagi menjajarkan semula trajektori pembangunan tidak mampan.

Makalah oleh Ahmad Fariz et al. menunjukkan bahawa pertumbuhan bandar raya memberi isyarat pembangunan sosioekonomi yang sihat. Satu akibat pertumbuhan dan pengembangan bandar ialah penghasilan bahan-bahan buangan, yang perlu diuruskan dengan baik. Sejak merdeka bahan sisa dari bandar-bandar Malaysia telah diurus melalui pendekatan penghujung paip, dengan memberi tumpuan kepada pembuangan bahan-bahan buangan di kawasan pembuangan sampah. Pendekatan ini memberi kesan ke atas fungsi ekosistem, dan menyebabkan masalah-masalah yang lain. Untuk pengurusan sisa yang lebih mampan, satu pendekatan baru diperlukan. Bandar-bandar di Malaysia telah menganjurkan banyak program bagi mengurus bahan buangan dalam cara yang mampan. Satu daripada aktiviti tersebut ialah pemulihan bahan-bahan buangan sebagai sumber kitar semula, dan ini melibatkan pengurangan, penggunaan semula dan kitar semula (atau 3R). Pengurangan bahan buangan dan penggunaan teknologi lebih bersih telah diperkenalkan sejak 1980-an. Akhirnya, menggunakan pendekatan ekosistem semula jadi untuk mengurangkan sisa bandar akan menjadi lebih lestari dalam jangka masa panjang.

Azmi Aziz dan Mostafa Kamal Mokhtar mencadangkan tiga rangkaian teras rangka kerja utama dalam sejarah Dunia Melayu. Setiap era mempunyai bidangnya sendiri dalam merangka kehidupan sosiopolitik di kawasan masing-masing. Dengan menggunakan garis asas pengetahuan sebagai satu alat konsep mereka menerangkan sebab-sebab adanya perbezaan corak hidup sosiopolitik untuk setiap era. Garis asas pengetahuan didefinisikan sebagai pelbagai korpus utama pengetahuan yang menjadi dasar era kehidupan setiap sosiopolitik. Maka, semasa zaman penjajah terdapat satu pemisahan jelas antara agama dan negara. Satu peralihan antara satu pangkalan pengetahuan kepada yang lain diperhatikan juga antara agama dan sains sekular moden semasa era

pascapenjajah yang turut menjadi salah satu isu di dalam penulisan mereka.

NOTA PENYELIDIKAN

Muhammad Rizal et al. mengkaji prinsip liabiliti rentas sempadan dan *Montreal Protocol*. Sokongan oleh negara-negara di dunia terhadap *Draft Articles Law Commission antarabangsa berhubung dengan Non Navigational Uses of International Water Courses Law*, 1994 dan *Rio Declaration*, 1992 dengan jelas menunjukkan penerimaan prinsip liabiliti rentas sempadan dalam melindungi habitat manusia dan persekitaran bandar raya. Penemuan awal menunjukkan bahawa pengaruh pendekatan kepentingan dalam governans antarabangsa adalah penting sebagai dorongan kepada negara-negara seluruh dunia untuk melibatkan diri dengan Protokol Montreal, dan secara tidak langsung membantu dalam melindungi dunia dari pencemaran.

Satu lagi nota kajian ialah laporan kerja lapangan mengenai aspek-aspek perbandaran dan kemiskinan dalam suatu penempatan besar setinggian di Kuala Lumpur pada tahun 1974. Ciri-ciri petempatan yang digambarkan menunjukkan realiti bandar besar semasa fasa perbandaran pseudo di Kuala Lumpur. Penulisan yang belum lengkap ini telah hilang semenjak tiga dekad yang lalu dan baru-baru ini telah ditemui semula. Kami merasakan nota ini merupakan salah satu aset yang bernilai untuk dibentangkan di sini.

Nota ini adalah istimewa sekurang-kurangnya atas tiga sebab. Pertama, ia hasil percubaan penyelidikan multidisiplin yang pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia, yang melibatkan kumpulan penyelidik muda daripada Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan pada tahun 1974. Hanya dua orang penyelidik sahaja yang masih berkhidmat dengan UKM. Oleh itu menjadi kewajipan kepada kami merekodkan kajian ilmiah ini agar ianya dapat diabadikan sebagai satu dokumentasi berguna untuk tatapan masyarakat kelak di samping sebagai penghargaan dan terima kasih kami kepada mereka. Ada yang telah pergi mengadap Ilahi dan inilah nota terakhir penghargaan kepada jasa-jasa mereka. Kedua, kumpulan ini merupakan kumpulan multidisiplin pertama di UKM yang menerima dana bantuan kewangan daripada pihak luar. Ketiga, kajian yang dijalankan merupakan suatu percubaan empiris untuk menjelaskan realiti bandar di Malaysia daripada perspektif Malaysia - suatu permulaan yang tersentak-sentak tetapi menyumbang kepada pembangunan yang sekarang ini dikenali sebagai suara pemikiran Bangi.

RUJUKAN

- Francis Loh Kok Wah. 2009. *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Petaling Jaya: SIRD.
McGee, T. G. 1971. *The Urbanization in the Third World*. London: Bell.

Introduction to the Special Issue

Pengenalan kepada Keluaran Khas

ABDUL SAMAD HADI, SHAHARUDIN IDRUS & ABDUL HADI HARMAN SHAH

GUEST EDITORS

May the 18th, 2010 marks the 40th year of the founding of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Kudos to the University which to date has made a variety of contributions to the country especially in the direction of strengthening academic development and enhancing the number of informed human resource. Over the decades the University has gone beyond the Malaysian border to reach international academic fraternity.

This special volume of *Akademika* is to commemorate the 40th year of UKM. It is equally special to position Professor Emeritus T.G. McGee of the University of British Columbia Keynote Paper at the Malaysian Social Science 7, 2010 meeting at the Universiti Sains Malaysia, Penang, as the overarching article in this issue. Prof. Emeritus McGee is globally known in comparative urbanisation, and to Malaysians, he is the doyen of urbanisation studies in the country.

The collection of papers in this Special Volume presents a platform to discuss urbanisation as a process consisting of critical transitions that contribute to the larger development phenomena within which urbanisation itself is a worldwide phenomenon. Many argue that it is a natural progression in the development of places, from the rural to the urban. Perhaps, it is a learned phenomenon in that the immediate learned from the past on what works and what does not. However, the phenomenon of urbanisation in Malaysia does not see the urban remaining in new areas and foregoing the rural. Rather, links with the rural are kept, sometimes even stronger than before. These links are more than just nostalgic attachments to the past. Rather, the phenomenon is connected to the changing reasons for migration and the subsequent planning for development.

The process of urbanisation in Malaysia has moved from the first phase of rural-urban migration to the phase of settling down and making a place for oneself in the urban area. The nascent phase of urbanisation- the beginning- was taken over by a period of pseudo urbanisation (McGee 1971) – grappling to progress – and culminated into a phase of growing extended mega urban regions- in the making-, being the outcome of processes in which existing urban areas founded during the time of British colonial administration of the country expand and get extended into a huge urban agglomeration. The concern of many now is how to make the urban a more livable place, a place with a better ‘dayahuni.’ This is not to say that the first phase has ceased to be; Malaysia is still facing rural-urban migration, or at least circular

movements between the urban and the rural, although choices and destinations are much more varied than before.

There has always been an interchange between rural and urban experiences. The interchange redefines both rural and urban place in Malaysia. The rural individual has always been influenced by a variety of urban experiences that change the place within which the individual lives as well as his or her aspiration of future places. The individual experience is always contextualised within a specific communal setting with its own cultural demands. The individual’s expectations are adjusted to immediate capabilities and cultural constraints. The processes that make up the experiences of urbanisation are not just behavioural in function. They are also very much symbolic. While behavioural functions often aim at solving a problem, symbolic functions aim at the manner by which a problem is solved. In the case of urbanisation, the issue is not merely ‘becoming’ urban but the manner in which ‘becoming’ urban is achieved. Of extreme interest to the Malaysians is to come to term with the dynamics of the urban and rural situations in the country at a time when such a process took many centuries to mature into an advanced urban landscape today, while the process is being compressed into about a century from the founding of modern urban centres to the rise of extended mega-urban regions in the country.

The issues in this special volume have a wide spatio-temporal range. From the construction of new frameworks based on complexity and lateral proliferation to case studies at the local as well as regional (even international) levels. The papers attempt to cover a variety of sub-themes that include a path dependent argument on urbanisation; an ecological framework for waste management; patterns of land use, including housing dynamics; theoretical underpinning of the uncertain responses from the local; and even international legal considerations. In a sense, these papers provide a critical approach to urban transitions, and a triangulation of ideas on the changing nature of this platform of physical development and social change. While the larger issue of Malaysian urbanisation is the focus of the panel at the Malaysian Social Science Seminar, developments in the Bernam-Linggi region are given a special viewing, being an important rising extended mega region of the country- comprising an area about two hundred kilometers by seventy kilometers, extending north to south from a university town on the

border of the states of Perak and Selangor in the Bernam river basin to the Linggi river basin on the border of Negeri Sembilan and Melaka.

All related issues identified above however, can be contextualised in the changing relations of the state, market and society in Malaysia. Figure 1 provides a simple articulation of the three dimensions. A democratic country pursuing a pro-market development policies with a reasonable market, financial and labour liberalisation can attract businesses from outside the country to start producing goods, creating businesses and financial activities in the country. In turn, the societal benefits will accrue to the population in as much as or more to the investors. There should then be an all round benefits to all. A change in one of the three dimensions will trigger changes in the others, thus producing new patterns of relation between the three dimensions.




FIGURE 1. Interlinkages Between State, Market and Society

Since achieving independence Malaysia has been liberalising its policies to attract foreign direct investment to attain the developed country status by 2020. Over the decades, the government has reduced its primary role in bringing socio-economic development to the country, from a position of leading actor in development to sharing the lead with the private sector. The New Economic Policy for the 1970-1990 period started the transition to the stronger presence of the private sector in development. The call for a more active participation of the private sector was again affirmed in the government New Economic Model (Malaysia 2009) and articulated in the Ninth Malaysia Plan (Malaysia 2010). Thus, the relationships between the state and the market have become more open, leading to a more liberal market participation.

A change in development policy that is deemed attractive to the market, for example, will bring in positive responses from investors. The state and the society will benefit from the industrial and business

expansion. The reverse holds when the state dictates and controlled the markets. Over the years, since achieving Independence in 1957 the government of Malaysia has had taken leads in developing the country, implementing policies with attractive packages to attract and bring in foreign investments. During the era of the New Economic Policy with its twin prongs of eradicating poverty and restructuring the existing Malaysian society that evolved during the British colonial administration, the Malaysian government took the lead in development. By taking such initiatives, the economic cake could be sustainably expanded and in turn the fruits were redistributed equitably among the ethnic groups. The impacts of such horizontal redistribution from the development ventures are seen in the progress of the Malaysian quality of life. Multiculturalism from multi-ethnicity in the country seems to work, and has assured stability and hence peace and progress. Some writers described the development initiative with the social outcome above as ‘developmentalism’ (one example, Francis Loh Kok Wah 2009: 31). During an economic downturn the market was roped in to take the lead in trying to ameliorate the impending stagnation, seen during the recession at the end of the Third Malaysia Plan (1980-1985) and the beginning of the Fourth Malaysian Plan, 1986-1990, and again during the economic turbulence from the Asian financial melt down or the recent financial and world wide impacts of financial problems in the United States perpetrated by the Lehmann Brothers bust.

One outcome of the developmentalism is registered in the urban scape of the country. The continuing bias towards ‘urban’ in the developmentalism period has escalated urban growth, town and city development. At one end is the expanding conurbations, some of which are slowly but steadily evolving into extended mega-urban regions. A major extended urban region is the urban region extending from the Bernam Basin to the Linggi basin area which we would label as the Bernam basin to Linggi basin extended mega urban region.

All papers in the volume are linked to The 7th International Malaysian Studies Conference (MSC7) held at the Science University in Georgetown, Penang, March 2010. Six of them were presented. Useful comments from the audience have been incorporated in the writers’ review and rework of their respective papers. Nevertheless, all papers went through the usual assessment path for the journal.

The rest of the papers are based on Malaysian rapid urbanisation expansion experience, an interestingly unique urbanisation experience that grow out of space – time compression, a mirror image of global cityness evolving in a shorter time period compared to the developed country’s urbanisation experiences.

Abdul Samad Hadi et al.’s paper presented at the Social Science meeting in Penang served as the overall introductory paper to this special issue. A three phases

of Malaysian urbanisation expansion is proposed, to reflect on the urbanisation transitions that the country has experienced. The urbanisation transition begins with post-Melakan empire of Peninsular Malaysia, during which time not much could be said about the hierarchy of urban centres and multi urban functions beyond the exchange of goods (an interesting period by itself), that was associated with the British colonial intervention in the country. In this nascent phase, the discussion is more on the founding of urban centres as administrative and commercial areas founded by the British administration. Borrowing the concept from the earlier writing of Professor Terry McGee on the process of urbanisation in Southeast Asia, we use the term pseudo-urbanisation to reflect the failure of the urban economic structure to absorb the waves of poorly educated without urban skills rural to urban migrants with the consequences of widespread poverty and spontaneous shelters, among others seen in the cities. Phase three recorded the growth of towns and cities as centres of manufacturing industries for exports, coinciding with the period of developmentalism. Overlapping drivers drove urban centres growth and development that eventually gave rise to the growth of conurbations and later on to the formation of extended urban regions; All were noticeable spatial outcomes of the period.

Abdul Rahman Embong in his article argued that the urbanisation process is still ongoing in the country, urban living and urbanism have become a way of life. Yet to the Malays and other Bumiputra urban living is still relatively new compared to the other major ethnic groups in the country. He goes to point out that while Loius Worth's contention of urban culture with respect to the spread of individualism and the importance of formal control is correct, the role of human agency is equally important. Efforts are seen to build communities, sustainable communities are in the making. The article pointed also to an important finding that urbanites in large cities such as Kuala Lumpur and Penang regard the cities their permanent home, while those in smaller cities perceived the cities as places to earn a living and places for retirement.

The paper by Abdul Hadi and colleagues pointed out that planning for sustainability in uncertain times often goes for short term gains in contrast to boom time when planning is based on a grander comprehensive plan. The urbanising experience of the Bernam Basin to Linggi basin area demonstrates this. Urban areas spread out fast during boom time to merge into a huge urban conurbation. The article shows how the urban changes affect and in turn are impacted by the infrastructures and community. Livability and sustainability potentials are consequently changing. To plan such a huge urban region requires more than just a linear approach to examine the complexity in order to unravel the intricate processes of regional urban growth.

Shaharudin et al. moved on to investigate housing expansion at the neighbourhood level and contend that house expansion in an intermediate municipal town founded by the British administration offers among others an illustration on the path dependent housing expansion, and that expansion is far from linear. Tracing housing expansion in the Seremban municipal area from the earliest possible date 1881 the article shows the spatial and temporal expansion patterns until 2010, showing changes in response to changing drivers. The writers argue that effective planning for the urban expansion need to be viewed from the local level. The local level scenarios are then merged into a larger region wide explanation of urbanisation.

Hezri brought into focus institutional challenges for the environment in the country when Malaysia began to shift towards sustainable development from past preoccupation with development. He goes to remind readers that the concept of institution is broader, durable and persistent compared with 'organisation'. He goes to make a cursory assessment of the country's sustainability policy performance. In the final part of the article Hezri examines the challenges for the sustainable shift to gather solutions to realign the unsustainable development trajectory.

The paper by Ahmad Fariz et al. shows that city growth signals healthy socio-economic development in the country. One consequence of the urban growth and expansion is wastes generation, and wastes need to be managed. Since independence wastes from Malaysian cities have been managed through the end-of-pipe approach, focusing on disposals of wastes to landfill. However, this approach affects the ecosystem functions, and causes other associated problems. For a more sustainable waste management, a new approach is needed. Cities in Malaysia have embarked on many programs in managing wastes in a sustainable manner. One of the activities is wastes recovery as resource, and this involves recycling, reuse and reduce (or 3R). Waste minimisation and the use of cleaner technology have been introduced since 1980's. Ultimately, using the natural ecosystem approach for city wastes management will be more sustainable in the long term.

Azmi Aziz and Mostafa Kamal Mokhtar proposed a three major eras framework in the history of the Malay World. Each era has its own specialty in framing the socio-political life in the area then. Using the knowledge baseline as a conceptual tool they explained the reasons for the different patterns socio-political life for each era. Knowledge baseline is defined as the various major corpus of knowledge that became the basis of the socio-political life of each era. Thus during the colonial era there was a clear separation between religion and the state. A transition between one knowledge base to another is observed also between religion and modern secular science during the post colonial era.

RESEARCH NOTES

Muhammad Rizal et al. however found on examining the principle of transboundary liability and the Montreal Protocol that the support by states around the globe on the international Law Commission's Draft Articles on the Non-Navigational Uses of International Water Course Law, 1994 and the Rio Declaration, 1992 clearly points to the acceptance of the principle transboundary liability in protecting human habitat and city environment. The preliminary findings indicate that the influences of interest approach in the international governance is important to promote and to persuade countries around the globe to take part in the Montreal Protocol, and hence to help protect the world from world emission.

This research note is a fieldwork report on aspects of urbanisation and poverty in a large squatter settlement in Kuala Lumpur in 1974. The characterisation of the settlement lends support to the grim reality of urban life during the pseudo urbanisation phase in Kuala Lumpur. The unfinished writing was misplaced for over three decades but re-discovered recently. We feel it is worth to present it here.

This note is special for at least three reasons: First, it is the outcome of the first attempt at multi-disciplinary research done in Universiti Kebangsaan Malaysia – the first research group formed from among young researchers in the field of Social Sciences and Humanities in the Faculty of Arts, in 1974. That only two of the researchers are still in service with UKM makes it incumbent on us to record our heartfelt thanks to all of them – some have left us for the serene life of the hereafter and we would like to dedicate the Note to their memory. Second, the first multi-disciplinary group in UKM awarded with an outside research grant, so foreign at the time. Third, a first attempt at empirical work to account for an urban reality in Malaysia from a Malaysian perspective – a stuttering beginning but does contribute to the building of what is now known as the voice of the Bangi school.

REFERENCES

- Francis Loh Kok Wah. 2009. *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Petaling Jaya: SIRD.
- McGee, T, G. 1971. *The Urbanisation in the Third World*. London: Bell.